

Kenyataan Kuki

Kemas Kini Terakhir: 16/12/2024

Jenis Kuki dan Teknologi Serupa

Kuki

Kuki ialah bahagian kecil teks yang dihantar sebagai fail kepada komputer atau peranti mudah alih anda apabila anda melawat kebanyakan laman web. Kuki mungkin disampaikan oleh kami (kuki pihak pertama) atau disampaikan oleh rakan niaga atau pembekal pihak ketiga (kuki pihak ketiga). Kuki adalah sama ada kuki sesi atau kuki berterusan. Kuki sesi membolehkan laman mengecam dan memautkan tindakan pengguna semasa sesi pelayaran dan tamat tempoh pada akhir setiap sesi. Kuki kekal membantu kami mengecam anda sebagai pengguna sedia ada dan kuki ini disimpan pada sistem atau peranti anda sehingga kuki tamat tempoh, namun anda boleh memadamkan kuki ini sebelum tarikh tamat tempoh.

Teknologi Serupa yang Lain

- **Bikon web, gif dan gif jelas** merupakan grafik kecil, setiap satu dengan pengecam unik yang terbenam secara tersembunyi di laman dan dalam e-mel. Bikon web membolehkan kami tahu sama ada halaman tertentu dilawati atau sama ada sepanduk iklan pada laman kami dan laman lain adalah berkesan. Kami juga menggunakan bikon web dalam e-mel berdasarkan HTML kami supaya kami tahu sama ada e-mel kami telah dibuka oleh penerima, yang membantu kami mengukur keberkesanan komunikasi, promosi dan kempen pemasaran tertentu.
- **Bikon berdasarkan kedekatan** menghantar isyarat sehalu pada jarak yang sangat dekat, untuk berkomunikasi dengan aplikasi mudah alih berkaitan yang dipasang pada telefon anda. Ia boleh memaklumkan anda, contohnya, tentang pengalaman yang berkaitan dengan perjalanan anda dan boleh memberitahu anda tentang tawaran atau promosi yang berkaitan. Bikon berkomunikasi dengan peranti anda hanya apabila anda berada dekat dan hanya jika anda telah memberikan persetujuan dalam aplikasi mudah alih yang relevan.
- **Piksel** ialah objek kecil yang ditanam ke dalam halaman web yang tidak dapat dilihat oleh pengguna. Kami menggunakan piksel untuk menyampaikan kuki kepada komputer anda, memudahkan proses log masuk, memantau aktiviti laman kami dan menyampaikan pengiklanan dalam talian.
- **Tag** ialah bahagian kod HTML kecil yang memberitahu pelayar anda untuk meminta kandungan tertentu yang dijanakan oleh pelayan iklan. Kami menggunakan tag untuk menunjukkan pengiklanan dan promosi yang relevan kepada anda.
- **Skrip ialah bahagian kod JavaScript yang dilancarkan secara automatik apabila halaman web tertentu dimuatkan, untuk menentukan sama ada pengguna melihat iklan yang berkaitan.**
- **Objek Simpanan Tempatan**, seperti HTML 5 digunakan untuk menyimpan kandungan dan keutamaan. Pihak ketiga yang bekerjasama dengan kami untuk menyediakan ciri tertentu pada laman kami untuk memaparkan pengiklanan berdasarkan aktiviti pelayaran web anda menggunakan Objek Simpanan Tempatan untuk mengumpulkan dan menyimpan maklumat.

• **Kit Pembangunan Perisian (“SDK”)** ialah satu set alat dan komponen perisian yang tertanam dalam aplikasi mudah alih kami. Kami menggunakan SDK untuk mengumpul dan berkongsi maklumat tentang peranti pengguna, menjejaki acara dan menganalisis aktiviti dalam aplikasi kami dan menjana pengecam unik.

Semua teknologi yang diterangkan di atas akan dirujuk secara kolektif dalam Kenyataan Kuki ini sebagai "kuki".

Penggunaan Kuki oleh Expedia Group

Di Expedia Group, kami menggunakan kuki atas sebilangan sebab, termasuk untuk:

- Membantu kami menambah baik pengalaman anda apabila melawat laman kami
- Memenuhi transaksi dan memastikan laman kami berjalan seperti yang dikehendaki
- Mengingati pilihan anda, seperti bahasa, kawasan atau mata wang
- Memberi anda pengiklanan yang relevan dan menganalisis prestasi iklan
- Membolehkan anda kembali kepada carian perjalanan yang sebelumnya
- Mengenal pasti ralat pada laman kami
- Membantu dengan perlindungan data dan mengesan serta menyiasat aktiviti hasad atau bersifat penipuan yang berpotensi
- Membantu kami memahami trafik pada laman kami, termasuk masa dan tarikh lawatan, masa dan tarikh lawatan terakhir, serta maklumat lain
- Menganalisis prestasi laman kami

Jenis Maklumat yang Dikumpulkan oleh Kuki

Jenis maklumat yang kami kumpulkan melalui kuki termasuk:

- Alamat IP
- ID peranti
- Halaman yang dilihat
- Jenis pelayar
- Maklumat pelayaran
- Sistem pengendalian
- Pembekal Khidmat Internet
- Sama ada anda memberikan respons terhadap, atau berinteraksi dengan, iklan
- Pautan atau URL yang dirujuk atau rujukan
- Ciri dan aktiviti yang digunakan di laman kami dan pada aplikasi kami

Lihat bahagian "Kategori Data Peribadi yang Kami Kumpulkan dan Gunakan" dalam [Kenyataan Privasi kami](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang jenis maklumat yang dikumpulkan secara automatik.

Jenis dan Fungsi Kuki

Kuki Penting

Kuki tertentu diperlukan atau "penting" dan mestilah didayakan supaya Laman Web dan Aplikasi kami berfungsi. Contoh fungsi ini termasuk membolehkan anda menavigasi laman kami dan membolehkan kami mengecam pengguna yang kembali supaya tindakan seperti log masuk dan pengurusan tempahan anda selamat. Anda tidak dapat berhenti menerima kuki penting.

Jenis Kuki Lain

Kami juga menggunakan jenis kuki lain untuk membuat laman kami menarik dan berguna untuk anda:

- **Kuki Kefungsian.** Kuki ini membolehkan Laman Web dan Aplikasi kami mengingat pilihan anda seperti bahasa pilihan, tetapan, kandungan troli beli-belah dan carian terdahulu. Kami menggunakan kuki ini untuk mempertingkatkan dan memperibadikan pengalaman anda di laman kami.
- **Kuki Prestasi.** Kuki ini digunakan untuk mengenal pasti dan mengumpulkan maklumat tentang cara pengguna menggunakan Laman Web atau Aplikasi kami, untuk mengukur dan meningkatkan prestasi keseluruhan laman kami. Kuki prestasi membolehkan kami menjejak (secara agregat) cara pelawat menggunakan laman kami, termasuk butiran tentang tempoh masa yang diluangkan oleh pelawat pada setiap halaman laman web kami, bilangan klik yang dibuat pada halaman tertentu, perkataan carian yang digunakan, serta pergerakan tetikus dan aktiviti penatalan pengguna. Kami menggunakan maklumat yang dikumpulkan untuk menentukan keberkesanan pengiklanan kami, mengenal pasti isu teknikal dengan laman web dan untuk menambah baik perkhidmatan kami, termasuk pengalaman anda.

Untuk tujuan analisis, penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami mungkin menggunakan kuki untuk menjalankan perkhidmatan mereka dan mungkin menggabungkan maklumat yang dikumpulkan oleh mereka tentang anda di laman kami dengan maklumat lain yang telah dikumpulkan oleh mereka. Kenyataan Kuki ini tidak meliputi penggunaan maklumat anda oleh pihak ketiga sedemikian.

- **Kuki Penyasaran.** Expedia Group dan rakan kongsi pihak ketiga kami yang dipercayai menggunakan kuki ini untuk membuat profil yang diperibadikan dan menyampaikan iklan yang lebih berkaitan kepada anda berdasarkan minat anda. Maklumat dikumpulkan melalui interaksi anda dengan laman kami, iklan pihak ketiga di laman kami, iklan kami di laman pihak ketiga dan kuki sedia ada daripada laman sedia ada pada komputer anda. Kuki ini boleh digunakan untuk menghadkan bilangan kali anda melihat iklan, mengukur keberkesanan kempen pengiklanan dan memaparkan kandungan yang diperibadikan. Kami tidak mempunyai akses kepada kuki yang dikumpulkan oleh rakan kongsi pihak ketiga kami dan amalan maklumat rakan kongsi pihak ketiga ini tidak diliputi oleh Kenyataan Kuki ini. Pemberhentian penerimaan kuki ini akan menghasilkan pengiklanan yang kurang disasarkan.

Pilihan Maklumat Anda

Anda boleh memilih untuk tidak menerima pengiklanan dalam talian yang disesuaikan di laman ini dan laman lain, serta mengetahui lebih lanjut tentang pemberhentian penggunaan maklumat anda bagi tujuan pengiklanan yang disesuaikan dengan mengakses salah satu sumber berikut:

- Untuk EEA, Switzerland dan UK: <http://www.youronlinechoices.eu/>
- Untuk Kanada: <http://youradchoices.ca/choices/>
- Untuk A.S. dan negara lain:
 - o <http://www.aboutads.info/choices/>

o <http://optout.networkadvertising.org/>

Harap maklum bahawa jika anda memilih untuk tidak menerima iklan yang disesuaikan, anda masih akan melihat iklan dalam talian, tetapi iklan tersebut akan bersifat umum dan kurang berkaitan dengan anda.

Sesetengah rakan kongsi pengiklanan kami merupakan anggota Inisiatif Pengiklanan Rangkaian yang menawarkan lokasi tunggal untuk berhenti menerima penyasaran iklan daripada syarikat anggota. Untuk mengetahui lebih lanjut, klik [di sini](#) dan [di sini](#).

Bagaimanakah anda boleh mengurus kuki anda?

Anda boleh menetapkan atau meminda kawalan pelayar web anda untuk menerima atau menolak kuki pada bila-bila yang anda mahu, tetapi sila ingat bahawa jika anda memilih untuk menolak kuki, akses anda kepada sesetengah fungsi atau kawasan laman kami mungkin disekat.

Isyarat Jangan Jejak dan Mekanisme Serupa.

Undang-undang perlindungan data tertentu membenarkan pengguna memilih untuk berhenti menerima perkongsian maklumat melalui isyarat "jangan jejak" yang disampaikan daripada pelayar web ke laman web, atau melalui mekanisme pilih keluar universal lain (termasuk Kawalan Privasi Global). Pada masa ini, kami mengambil tindakan sebagai tindak balas kepada isyarat ini apabila isyarat tersebut telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di bawah undang-undang perlindungan data yang berkenaan.

Hubungi Kami

Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau kebimbangan berkenaan penggunaan data peribadi anda oleh kami, atau ingin bertanya tentang amalan pengendalian data peribadi kami, dan menggunakan hak anda untuk mengakses, membetulkan atau bertanya tentang pemadaman data peribadi, sila hubungi kami melalui Bahagian Privasi di [sini](#) atau anda boleh menghantar e-mel kepada pasukan perkhidmatan pelanggan kami di APACSAR@expediagroup.com. Untuk mendapatkan senarai keluarga jenama Expedia Group kami, klik [di sini](#).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pengawal data (dan pengawal bersama, jika berkenaan) dan/atau Wakil untuk data peribadi yang kami proses, sila klik [di sini](#).

Kemas Kini Kenyataan

Kami mungkin membuat perubahan pada Kenyataan ini dengan mengemas kini Kenyataan ini pada bila-bila masa atas pelbagai sebab, termasuk untuk menambah baik dan menjadikan Kenyataan lebih jelas atau lebih mudah untuk difahami atau sebagai tindak balas kepada perubahan undang-undang atau perkembangan teknikal atau perniagaan. Jika kami bercadang untuk membuat perubahan yang akan memberikan kesan secara material kepada hak atau kewajipan anda, kami akan memberi anda notis awal yang munasabah tentang perubahan tersebut, melainkan perubahan itu diperlukan segera oleh keperluan keselamatan atau undang-undang yang berkenaan. Anda boleh melihat tarikh kemas kini terakhir Kenyataan Kuki ini dengan menyemak tarikh "kemas kini terakhir" yang dipaparkan di bahagian atas Kenyataan ini.

Untuk mendapatkan maklumat tentang kemas kini terdahulu, sila hubungi kami [di sini](#).

